



01 OCT, 2019

OKU perlu miliki pendidikan kemahiran

Harian Metro (Johor), Malaysia

Page 1 of 2

OKU perlu miliki pendidikan kemahiran

Pontian: "Seramai dua juta individu orang kurang upaya (OKU) di negara ini perlu ada pendidikan kemahiran supaya mampu berdaya saing," ujar Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar.

Katanya, pembabitan pelbagai aktiviti pembelajaran termasuk bidang kemahiran mampu menjadikan mereka terlatih sebagai pekerja di sektor swasta, kerajaan atau seorang pengusaha.

"Apa yang diperlukan sekarang adalah memperkenalkan lagi kemahiran-kemahiran dimiliki ditambah sikap berani untuk bersaing dengan usahawan lain.

"Perjalanan murid Pendidikan Khas (PK) masih jauh, namun persediaan ke arah pekerjaan perlulah dimulakan sekarang.

"Justeru itu, peranan guru PK amat ditagih untuk mempersiapkan anak didik dengan kemahiran yang relevan mengikut pasaran kerja kini," katanya pada Karnival Pendidikan Khas Integrasi dan Hari Koperasi Integrasi Pendidikan Khas



MAHFUZ (lima dari kiri) bersama penerima bantuan Skim Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya di Dewan Jubli Intan Pontian.

Pontian Berhad di Dewan Jubli Intan, semalam.

Program disertai kira-kira 1,000 pelajar Pendidikan Khas (PK) turut diselitkan pelbagai pengisian bermanfaat antaranya pameran jalan hasil tangan pelajar Murid Berkeperluan Khas (MBK), jualan produk pakaian dan taklimat ino-

vasi kerjaya.

Mahfuz berkata, program itu turut membabitkan Majlis Perjanjian Persefahaman (MOU) antara syarikat pakaian 'Canggih' dengan Koperasi Pendidikan Khas Pontian Berhad.

Katanya, MOU itu membuktikan keupayaan MBK mampu berdikari serta ber-

daya saing ke arah kehidupan yang bermakna.

Salah seorang bekas pelajar PK Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ayer Baloi, Khairunnajihah Mashaari, 31, berkata, pembabitannya dalam bidang jahitan semasa di sekolah mampu menjana pendapatan me muaskan.



01 OCT, 2019

OKU perlu miliki pendidikan kemahiran

Harian Metro (Johor), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Pon t i a n : "Seramai dua juta individu orang kurang upaya (OKU) di negara ini perlu ada pendidikan kemahiran supaya mampu berdaya saing," ujar Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar. Katanya, pembabitan pelbagai aktiviti pembelajaran termasuk bidang kemahiran mampu menjadikan mereka terlatih sebagai pekerja di sektor swasta, kerajaan atau seorang pengusaha. "Apa yang diperlukan sekarang adalah memperkemaskan lagi kemahiran-kemahiran dimiliki ditambah sikap berani untuk bersaing dengan usahawan lain.